

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK SERI DR. MUJAHID YUSOF**
RAWA [PARIT BUNTAR]
TARIKH : **2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah ada peruntukan untuk USJB dalam RMK-12 untuk membayar balik sukuk yang diterbitkan oleh Tabung Haji jika berlaku 'default' sepanjang tempoh yang ditetapkan pembayaran balik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 7 Disember 2018 dan 5 April 2019 berhubung Pelan Penstrukturan Dan Pemulihan Lembaga Tabung Haji (TH), aset-aset TH yang tidak berdaya saing telah dipindahkan kepada Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Aset-aset TH ini dipindahkan kepada UJSB pada nilai buku (*book value*) sebanyak RM19.9 bilion dengan nilai pasaran (*market value*) hanya sekitar RM9.7 bilion. Pemindahan aset-aset tersebut dibiayai oleh UJSB melalui:

- i. terbitan Sukuk Murabahah (*zero coupon*) berjumlah RM10 bilion (dengan nilai nominal kira-kira RM13.2 bilion) untuk tempoh 7 tahun

dengan keuntungan pada tarikh matang (*yield to maturity*) sebanyak 4.05% setahun;

- ii. terbitan Sukuk Murabahah (*zero coupon*) berjumlah RM9.6 bilion (dengan nilai nominal kira-kira RM14.3 bilion) untuk tempoh 10 tahun dengan keuntungan pada tarikh matang (*yield to maturity*) sebanyak 4.10% setahun; dan
- iii. penyelesaian tunai sebanyak RM300 juta.

Memandangkan terdapat jurang antara nilai pasaran (*market value*) aset-aset yang diambil alih sebanyak kira-kira RM9.7 bilion berbanding nilai nominal sukuk yang perlu ditanggung oleh UJSB sebanyak RM27.5 bilion, Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan kewangan kepada UJSB sebanyak RM500 juta pada tahun 2020 dan sekurang-kurangnya RM17.3 bilion mulai tahun 2021 sehingga tarikh matang sukuk, bagi membiayai *shortfall* penebusan sukuk kepada TH.

Walau bagaimanapun, berikutan kedudukan kewangan Kerajaan pada masa ini semakin meruncing akibat antara lain perbelanjaan pengurusan pandemik COVID-19 yang tinggi, Kerajaan terpaksa mengutamakan keperluan perbelanjaan yang lebih mendesak seperti pembiayaan projek-projek pembangunan yang penting dan kritikal serta pembayaran hutang yang dijamin oleh Kerajaan. Dalam hal ini, peruntukan untuk UJSB bukanlah dibawah kategori mendesak di mana memandangkan bayaran penebusan sukuk kepada TH hanya perlu dibuat pada tahun matang sukuk iaitu 2026 dan 2029. *Default* juga tidak akan berlaku sebelum tarikh matang sukuk-sukuk tersebut.

Sekiranya kedudukan fiskal bertambah baik, Kerajaan akan memastikan bayaran sukuk tersebut dapat dilunaskan lebih awal bagi mengelakkan bebanan kewangan yang besar pada tarikh matang sukuk.

Sekian, terima kasih.